KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	02.03.22	MUKA SURAT	:	35
JABATAN	:	TNB			

TNB komited jaga kawasan tadahan air Ulu Jelai

Oleh NURFARAHIN HUSSIN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan kerajaan negeri Pahang sepakat menjaga kawasan tadahan air Skim Hidroelektrik Ulu Jelai agar operasi stesen janakuasa terbaharu di Cameron Highlands itu tidak terjejas dengan memastikan keseimbangan ekosistem di kawasan berkenaan terpelihara.

Kedua-dua pihak mencapai persetujuan dengan memeterai Perjanjian Skim Hidroelektrik Ulu Jelai yang turut memberi pendapatan kepada kerajaan negeri Pahang melalui penggunaan sumber air untuk penjanaan tenaga elektrik.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, terdapat peruntukan khas dalam perjanjian itu yang memastikan kedua-dua pihak menjaga kawasan tadahan dengan baik supaya dapat mengurangkan hakisan dan pemendapan sepanjang skim hidrolektrik ini beroperasi.

"Kewujudan Jawatan Kuasa Pengurusan Tasik dan Kawasan Tadahan, atau Jawatan Kuasa Penasihat untuk Stesen Jana kuasa Ulu Jelai, hendaklah sentiasa peka dan mengurus serta memulihara kawasan tadahan ini dengan sebaik-baiknya," katanya ketika berucap di majlis menandatangani perjanjian berkenaan, dekat sini kelmarin.



SALLEHDDIN Ishak (kiri) dan Baharin Din bertukar dokumen perjanjian sambil disaksikan oleh Takiyuddin Hassan (belakang, tengah), Wan Rosdy Wan Ismail (belakang, kiri) dan Hasan Arifin.

Perjanjian ditandangani Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Seri Dr. Sallehuddin Ishak dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din, disaksikan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan serta Pengerusi TNB, Datuk Seri Hasan Arifin.

Skim Hidroelektrik Ulu Jelai yang berada di Mukim Hulu Telom, adalah antara tiga stesen hidroelektrik terbesar di Cameron Highlands yang dibina di bawah tanah demi mendapatkan tekanan air secukupnya supaya boleh menggerakkan turbin untuk menjana tenaga elektrik.

Hasan berkata, stesen janakuasa yang siap pada 2016 itu direka bentuk supaya mampu memberikan tindak balas pantas kepada sistem grid terhadap perubahan permintaan, khususnya pada waktu beban puncak dengan kawalan frekuensi kapasiti dua unit penjanaannya yang berjumlah 372 Megawatts.